



PERARAKAN sedang berlangsung.

DE 25/11/2011 2

## Manfaatkan pengetahuan akademik untuk kebaikan negara: NC UMS

**Sherell Ann Jeffrey**

KOTA KINABALU: Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Dr Kamaruzaman Ampon pada Khamis menggesa graduan memanfaatkan pengetahuan akademik mereka untuk manfaat negara.

“Gunakan pengetahuan anda secara proaktif, kreatif dan inovatif untuk mencapai visi, misi, objektif, tujuan dan fungsi sejajar dengan tema tahun ini ‘Masyarakat Berpengetahuan dan Berinovasi ke arah Kejayaan Transformasi’,” katanya ketika Upacara Perarakan Berjubah Graduan Bandar Raya anjuran UMS dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK).

Perarakan itu disertai 66 graduan, anggota Palapes, Polis Sukarela Pelajar UMS, Palapes Udara dan Pertahanan Awam dari Dewan Masyarakat Kota Kinabalu di Jalan Pantai ke perkarangan DBKK.

“Perarakan ini diadakan sempena konvokesyen ke-13 UMS membabitkan 4,481 penuntut dari pelbagai peringkat pendidikan dalam 64 program akademik.

“Konvokesyen tahun ini juga menandakan graduasi sulung 36 penuntut Diploma Kejururawatan dan 23 penuntut Diploma Teknologi Makmal Perubatan di bawah Sekolah Perubatan dan juga kampus rasmi baru Sekolah Pertanian Mapan di Sandakan.”

Beliau juga mengucapkan tahniah kepada DBKK di bawah kepimpinan Datuk Abidin Madingkir kerana mengekalkan tradisi itu, yang dimulakan oleh Pengerusi Lembaga UMS Tan Sri Abdul Hamid Egoh pada 2007.

“Kami telah melaksanakan pelbagai usaha dan inisiatif seperti kempen kampus bebas sampah dan kempen meminimumkan penggunaan plastik untuk menyokong DBKK.

Sementara itu, Madingkir berkata acara tahunan itu mengiktiraf penguasaan pengetahuan dan teknologi, sejajar dengan pembangunan melalui perpaduan.

“Sebagai sebuah agensi kerajaan, DBKK sangat yakin terhadap keupayaan UMS sebagai sebuah institusi peneraju penyelidikan dan inovasi di Sabah, untuk merealisasikan visi dan misi kerajaan untuk melahirkan masyarakat berpengetahuan dan inovatif.”

Madingkir juga menyampaikan “kunci ke bandaraya” kepada 66 graduan yang mengambil bahagian dalam perarakan itu sebagai simbol pengiktirafan.

Selain itu, buku bertajuk ‘Majlis Perarakan Berjubah Graduan Bandar Raya’ Oleh Dekan Sekolah Pertanian Mapan UMS, Dr. Mahmud Sudin juga dilancarkan ketika acara itu berlangsung untuk memperingati bermulanya perarakan itu pada 2007.

Turut hadir ialah Pengerusi Lembaga Pengarah UMS Tan Sri Abdul Hamid Egoh, Ketua Pengarah DBKK Datuk Yeo Boon Hai dan Profesor Madya Dr. Kasim Mansur, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMS.